



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 20 OGOS 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	MAFI BANTU GOLONGAN MUDA RANCAKKAN INDUSTRI PERTANIAN, SH -ONLINE MAFI AJAK GOLONGAN MUDA CEBURI SEKTOR PERTANIAN, KKOSMO -ONLINE GERAN AGROPRENEUR MUDA BAGI YANG BARU MAHU BERJINAK PROJEK TANI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE GERAN AGROPRENEUR MUDA BAGI YANG BARU MAHU BERJINAK PROJEK TANI, UTUSAN BORNEO SABAH, -ONLINE GERAN AGROPRENEUR MUDA BAGI MEREKA YANG BAHARU BERJINAK DALAM PROJEK TANI, BERNAMA -ONLINE SIN CHEW -ONLINE RM15J BANTU ORANG MUDA BERTANI, NEGARA, KOSMO -7 BANTU BELIA CEBURI BIDANG PERTANIAN, NASIONAL, SH -23	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
9. 10.	LADANG AYAM DIKOMPAN RM500, NEGERI PAHANG/N9, SH -29 PEMILIK LADANG TERNAKAN AYAM BUANG SISA KUMBAHAN DIKOMPAN RM500, MSN NEWS -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
11. 12.	1,200 SIAKAP FISH FRY RELEASED INTO LABUAN RIVER, NEWS IN BRIEF, NST -11 GEMPAR FENOMENA MIGRASI IKAN PUYU, NEGARA, KOSMO -11	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13. 14. 15. 16. 17.	FISHERMEN URGED TO SIGN UP FOR SOCSO SCHEME, NEW JOHOR, THE STAR -4 BOT PANCING UDANG GALAH TERSADAI, DALAM NEGERI, UM -25 CARI BEKALAN LAUK, DUIT BELANJA DENGAN MEMANCING, DALAM NEGERI, UM -24 PUYU 'MERANGKAK' JIKA HABITAT TERGANGGU, DALAM NEGERI, UM -24 JARING KOYAK PUNCA BANYAK IKAN PUYU, DALAM NEGERI, UM -24	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MAFI bantu golongan muda rancakkan industri pertanian



Program Empowerment @Agropreneur Muda 2021 yang dijalankan secara maya.

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membuka permohonan Geran Agropreneur Muda mulai Khamis bagi menggalakkan lebih ramai golongan muda menceburi bidang tersebut.

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid

berkata, permohonan itu terbuka kepada golongan muda yang betul-betul baharu atau belum pernah menjalankan projek pertanian.

Menurut beliau, ia tertakluk kepada syarat-syarat yang akan dikemukakan nanti antaranya perlu menghadiri kursus-kursus teknikal yang ditetapkan dan sebagainya.

"Kementerian mendapat banyak permintaan daripada golongan itu yang baharu ingin menceburi bidang pertanian dan agromakanan.

"Saya berharap dengan kaedah ini, lebih ramai anak-anak muda terutama mereka yang betul-betul berminat dan memenuhi syarat dapat dibantu," katanya dalam ucapan perasmian program Empowerment @Agropreneur Muda 2021 yang dijalankan secara maya pada Khamis.

Haslina berkata, geran Agropreneur Muda menjadi satu pilihan penting bagi membantu anak-anak muda memulakan projek pertanian terutamanya ketika negara dan dunia dilanda pandemik Covid-19.

"Pada tahun ini, sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan dengan sasaran 750 orang agropreneur muda untuk mendapat bantuan.

"Sehingga Julai lalu seramai 498 orang telah diluluskan permohonannya oleh MAFI dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9.9 juta.

"Daripada jumlah tersebut, ianya dijangka dapat menyumbangkan RM29.8 juta kepada negara melalui 'economic spin-off'," katanya.

Tambah beliau, jangkaan tersebut berdasarkan sasaran kementerian untuk melahirkan agropreneur muda berpendapatan sekurang-kurangnya RM5,000 sebulan selepas menerima bantuan geran itu.

Dalam masa yang sama, katanya, MAFI menjangkakan agropreneur muda ini dapat membantu ekonomi setempat melalui konsep 'community-driven economy'.

"Saya mengambil contoh, seorang penanam cili yang menerima bantuan geran sudah tentu akan menggaji pekerja bagi membantunya untuk meningkatkan pengeluaran hasil ladang.

"Begitu juga dengan seorang usahawan bakeri, sudah pasti akan menggaji pekerja untuk meningkatkan pengeluaran kek atau pastri.

"Ini bermaksud peluang-peluang pekerjaan juga akan dicipta melalui perniagaan yang dijalankan oleh mereka," katanya.

Bukan itu sahaja, beliau berkata, kesan 'economic multiplier' juga pasti berlaku kerana penerima geran pastinya memerlukan bekalan input-input pertanian dan bahan mentah serta penambahbaikan infrastruktur.

"Sudah tentu, faktor permintaan ekonomi ini akan membantu sektor-sektor pembekalan yang lain," katanya.

Katanya, kementerian menjangkakan kesan penggandaan bernilai RM89.4 juta melalui bantuan geran yang diberikan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2021	KOSMO	ONLINE	

## MAFI ajak golongan muda ceburi sektor pertanian



PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengajak golongan muda untuk menceburi dan merencanakan sektor pertanian negara dengan mensasarkan seramai 750 orang agropreneur muda dengan peruntukan berjumlah RM15 juta tahun ini.

MAFI dalam satu kenyataan berkata, sejumlah RM131.8 juta peruntukan telah memberi manfaat kepada 7,406 usahawan Agropreneur Muda sejak ianya dilancarkan pada tahun 2016.

Katanya, Geran Agropreneur Muda menjadi satu pilihan penting bagi membantu anak-anak muda memulakan projek pertanian.

“Pada tahun ini, sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan dengan sasaran 750 orang agropreneur muda untuk mendapat bantuan.

“Kementerian menjangkakan kesan penggandaan bernilai RM89.4 juta melalui bantuan geran yang diberikan pada hari ini,” katanya di sini hari ini.

Tambahnya, tahun lalu, seramai 1,149 golongan muda menerima bantuan geran bernilai RM21.7 juta berbanding 750 orang pada tahun 2019 dan 785 orang pada tahun 2018.

“Data terkini menunjukkan bahawa daripada 14.6 juta belia di Malaysia, hanya 15 peratus yang terlibat dalam bidang pertanian. Tambahan pula, kajian menunjukkan hanya 4 peratus pelajar di universiti yang akan mempertimbangkan kerjaya dalam bidang pertanian.

“Kesemua data ini menunjukkan bahawa persepsi para belia kepada sektor pertanian perlu diperbaiki lagi. Berdasarkan faktor tersebut pihak Kementerian perlu mengambil langkah sewajarnya bagi meremajakan sektor pertanian.” ujarnya.

Katanya, bagi merealisasikan perkara tersebut pihak MAFI akan melancarkan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dalam masa terdekat. – K! ONLINE



20 AUG, 2021

## Geran Agropreneur Muda bagi yang baru mahu berjinak projek tani

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### Geran Agropreneur Muda bagi yang baru mahu berjinak projek tani

**PUTRAJAYA:** Golongan muda yang baharu menceburi atau belum pernah menjalankan projek pertanian boleh memohon geran di bawah Program Agropreneur Muda mulai semalam, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid.

"Pemberian geran kepada mereka ini tertakluk kepada beberapa syarat yang akan dikemukakan kemudian, antaranya perlu menghadiri kursus teknikal seperti yang ditetapkan," katanya ketika berucap merasmikan Program Empowerment@Agropreneur Muda 2021 secara maya semalam.

Sebelum ini, geran Program Agropreneur Muda hanya diberikan kepada

belia yang telah menceburi bidang pertanian dan berfungsi sebagai nilai tambah kepada projek pertanian yang diusahakan.

Program Agropreneur Muda diperkenalkan pada 2016 bagi membantu golongan muda yang terlibat dalam sektor agromakanan serta meningkatkan pendapatan mereka melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif.

Haslina berkata, MAFI telah memperuntukkan RM131.8 juta di bawah program itu sejak dilancarkan yang telah memanfaatkan 7,406 usahawan.

Bagi tahun ini, katanya MAFI memperuntukkan RM15 juta untuk program berkenaan dengan sasaran

750 agropreneur muda menerima manfaatnya, dan setakat Julai lepas, seramai 498 individu telah lulus permohonan geran melibatkan peruntukan RM9.9 juta.

"Daripada jumlah ini (498 usahawan), ia dijangka dapat menyumbang RM29.8 juta kepada negara melalui kesan sampingan ekonomi, membantu ekonomi setempat dan juga sasaran pendapatan sekurang-kurangnya RM5,000 sebulan selepas menerima bantuan geran," katanya.

Haslina berkata, melalui program berkenaan MAFI dapat 'meremajakan' sektor pertanian memandangkan data menunjukkan hanya kira-kira 15 peratus daripada 14.6 juta belia di negara ini terlibat dalam bidang pertanian. — Bernama



20 AUG, 2021

## Geran Agropreneur Muda bagi yang baru mahu berjinak projek tani

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PUTRAJAYA: Golongan muda yang baharu menceburi atau belum pernah menjalankan projek pertanian boleh memohon geran di bawah Program Agropreneur Muda mulai semalam, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid. "Pemberian geran kepada mereka ini tertakluk kepada beberapa syarat yang akan dikemukakan kemudian, antaranya perlu menghadiri kursus teknikal seperti yang ditetapkan," katanya ketika berucap merasmikan Program Empowerment<sup>®</sup> Agropreneur Muda 2021 secara maya semalam.



20 AUG, 2021

## Geran Agropreneur Muda bagi yang baru mahu berjinak projek tani

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

### Geran Agropreneur Muda bagi yang baru mahu berjinak projek tani

**PUTRAJAYA:** Golongan muda yang baharu menceburi atau belum pernah menjalankan projek pertanian boleh memohon geran di bawah Program Agropreneur Muda mulai semalam, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid.

"Pemberian geran kepada mereka ini tertakluk kepada beberapa syarat yang akan dikemukakan kemudian, antaranya perlu menghadiri kursus teknikal seperti yang ditetapkan," katanya ketika berucap merasmikan Program Empowerment Agropreneur Muda 2021 secara maya semalam.

Sebelum ini, geran Program Agropreneur Muda hanya diberikan kepada

belia yang telah menceburi bidang pertanian dan berfungsi sebagai nilai tambah kepada projek pertanian yang diusahakan.

Program Agropreneur Muda diperkenalkan pada 2016 bagi membantu golongan muda yang terlibat dalam sektor agromakanan serta meningkatkan pendapatan mereka melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif.

Haslina berkata, MAFI telah memperuntukkan RM131.8 juta di bawah program itu sejak dilancarkan yang telah memanfaatkan 7,406 usahawan.

Bagi tahun ini, katanya MAFI memperuntukkan RM15 juta untuk program berkenaan dengan sasaran

750 agropreneur muda menerima manfaatnya, dan setakat Julai lepas, seramai 498 individu telah lulus permohonan geran melibatkan peruntukan RM9.9 juta.

"Daripada jumlah ini (498 usahawan), ia dijangka dapat menyumbang RM29.8 juta kepada negara melalui kesan sampingan ekonomi, membantu ekonomi setempat dan juga sasaran pendapatan sekurang-kurangnya RM5,000 sebulan selepas menerima bantuan geran," katanya.

Haslina berkata, melalui program berkenaan MAFI dapat 'meremajakan' sektor pertanian memandangkan data menunjukkan hanya kira-kira 15 peratus daripada 14.6 juta belia di negara ini terlibat dalam bidang pertanian. — Bernama



20 AUG, 2021

## Geran Agropreneur Muda bagi yang baru mahu berjinak projek tani

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PUTRAJAYA: Golongan muda yang baharu menceburi atau belum pernah menjalankan projek pertanian boleh memohon geran di bawah Program Agropreneur Muda mulai semalam, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid. "Pemberian geran kepada mereka ini tertakluk kepada beberapa syarat yang akan dikemukakan kemudian, antaranya perlu menghadiri kursus teknikal seperti yang ditetapkan," katanya ketika berucap merasmikan Program Empowerment@ Agropreneur Muda 2021 secara maya semalam.




TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2021	BERNAMA	ONLINE	

## GERAN AGROPRENEUR MUDA BAGI MEREKA YANG BAHARU BERJINAK DALAM PROJEK TANI



 bernamaofficial • Follow

 bernamaofficial Golongan muda yang baharu menceburi atau belum pernah menjalankan projek pertanian boleh memohon geran di bawah Program Agropreneur Muda mulai hari ini, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid.

"Pemberian geran kepada mereka ini tertakluk kepada beberapa syarat yang akan dikemukakan kemudian, antaranya perlu menghadiri kursus teknikal seperti yang ditetapkan," katanya ketika berucap merasmikan Program Empowerment@ Agropreneur Muda 2021 secara maya hari ini.



316 likes



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2021	SIN CHEW	ONLINE	

2021-08-19 16:38:22

## 农业部提供拨款·鼓励青年投身农企

全国综合

**【加入星洲人】** 即刻免费注册成为星洲会员，享有独有资讯、各种优惠及好康！

(八打灵再也19日讯) 农业及食物工业部秘书长拿督哈斯丽娜指出，甫投身农业领域或还没有参与任何农业计划的年轻人，可以从即日起申请青年农业企业家计划的拨款。

她为2021年青年农业企业家赋权活动开幕礼致词时说，近期内会公布申请条件。

她说，这项计划从2016年开始推行，协助年轻人投身农业食品行业以及通过提高生产力、品质、科技和革新、市场竞争力，增加他们的收入。

她指出，该部已经拨款1亿3180万令吉推行这项计划，共有7406名企业家受惠。

她说，今年该部拨款1亿5000万令吉推行这项计划，目标是为750名农业企业家提供拨款，截至7月，已经有498人的申请获批，总共获得990万令吉。

“这498名企业家预计可以为国家带来2980万令吉，包括经济效益、协助地方经济。接受拨款后，他们至少可以月入5000令吉。”

她说，此举也可以吸引年轻人投身农业，目前在1460万名青年中，大约有15%在农业领域工作。

文章来源：星洲日报 2021-08-19

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2021	KOSMO	NEGARA	7

## RM15j bantu orang muda bertani

**PETALING JAYA** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengajak golongan muda untuk menceburi dan merencanakan sektor pertanian negara dengan menyasarkan seramai 750 orang agropreneur muda dengan peruntukan berjumlah RM15 juta tahun ini.

MAFI dalam satu kenyataan berkata, sejumlah RM131.8 juta peruntukan telah memberi manfaat kepada 7,406 usahawan Agropreneur Muda sejak program itu dilancarkan pada tahun 2016.

Katanya, Geran Agropreneur Muda menjadi satu pilihan penting bagi membantu anak-anak muda memulakan projek pertanian.

"Pada tahun ini, sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan dengan sasaran 750 orang agropreneur muda untuk mendapat bantuan.

"Kementerian menjangkakan kesan penggandaan bernilai RM89.4 juta melalui bantuan geran yang diberikan pada hari ini," katanya di sini semalam.

Tambahnya, pada tahun lalu, seramai 1,149 golongan muda menerima bantuan geran bernilai RM21.7 juta berbanding 750 orang pada tahun 2019 dan 785 orang pada tahun 2018.

"Data terkini menunjukkan



**GOLONGAN** muda diseru agar merebut peluang ditawarkan MAFI melalui Program Empowerment @ Agropreneur Muda 2021. – GAMBAR HIASAN

bahawa daripada 14.6 juta belia di Malaysia, hanya 15 peratus yang terlibat dalam bidang pertanian. Tambahan pula, kajian menunjukkan hanya empat peratus pelajar di universiti yang akan mempertimbangkan untuk menceburi kerjaya dalam bidang pertanian.

"Kesemua data ini menunjukkan bahawa persepsi para belia kepada sektor pertanian perlu diperbaiki lagi. Berdasarkan faktor tersebut pihak Kementerian perlu mengambil langkah sewajarnya bagi meremajakan sektor pertanian," ujarnya.

Katanya, bagi merealisasikan perkara tersebut, pihak MAFI akan melancarkan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dalam

masa terdekat.

"Dasar ini merupakan dasar jangka masa panjang bagi tempoh 2021 hingga 2030," jelasnya.

Mengulas lanjut, kata kenyataan itu lagi, sehingga Julai lalu, seramai 498 orang telah diluluskan permohonan mereka dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9.9 juta dan dijangka dapat menyumbangkan RM29.8 juta kepada negara melalui *economic spin-off*.

Jelasnya, Permohonan Geran Agropreneur Muda akan dibuka kepada mereka yang baru menceburi atau belum pernah menjalankan sebarang projek pertanian tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

# Bantu belia ceburi bidang pertanian

Geran Agropreneur Muda bagi mereka yang baru berjinak dalam projek tani

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

## KUALA LUMPUR

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membuka permohonan Geran Agropreneur Muda bagi menggalakkan lebih ramai golongan muda menceburi bidang tersebut, mulai Khamis.

Kena Setiausaha MAFI, Dainik Haslina Abdul Hamid berkata, permohonan itu terbuka kepada golongan muda yang baharu menceburi atau belum pernah menjalankan projek pertanian.

Menurutnya, pemberian geran itu tertakluk kepada beberapa syarat yang akan dikemukakan kemudian, antara-



TARIKH :  
19 OGOS 2021 (KHAMIS)  
MASA :  
10.30 PAGI

Haslina merasmikan Program Empowerment @Agropreneur Muda 2021 secara maya pada Khamis.

nya perlu menghadiri kursus teknikal seperti yang ditetapkan.

"Kementerian menerima banyak permintaan daripada golongan muda yang baru mahu menceburi bidang pertanian dan agromakanan.

"Saya berharap dengan kedatangan ini, lebih ramai anak muda terutama mereka yang betul-betul berminat dan memenuhi syarat dapat dibantu," katanya pada perasmian program Empowerment @Agropreneur Muda 2021 secara

maya pada Khamis.

Haslina berkata, Geran Agropreneur Muda menjadi satu pilihan penting bagi membantu anak-anak muda memulakan projek pertanian terutama ketika negara dan dunia dilanda pandemik Covid-19.

"Tahun ini sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan dengan sasaran 750 orang agropreneur muda untuk mendapat bantuan.

"Sehingga Julai lalu, seramai 498 orang telah diluluskan per-

mohonannya oleh MAFI dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9.9 juta.

"Daripada jumlah tersebut, ia dijangka dapat menyumbang RM29.8 juta kepada negara melalui *economic spin-off*," kata Haslina.

Jelas beliau lagi, jangkakan tersebut berdasarkan sasaran Kementerian untuk melahirkan agropreneur muda berpendapatan sekurang-kurangnya RM5,000 sebulan selepas menerima

bantuan geran berkenaan.

Pada masa yang sama, katanya, MAFI menjangkakan agropreneur muda dapat membantu ekonomi setempat melalui konsep *community-driven economy*.

"Saya mengambil contoh, seorang penanam cili yang menerima bantuan geran sudah tentu akan menggaji pekerja-pekerja bagi membantunya meningkatkan pengeluaran hasil ladang.

"Begitu juga usahawan-bakeri yang sudah pasti akan menggaji pekerja untuk meningkatkan pengeluaran kek atau pastri, sekali gus mencipta peluang pekerjaan melalui perniagaan yang dijalankan oleh mereka," katanya.

Bukan itu sahaja, Haslina berkata, kesan *economic multiplier* juga pasti berlaku kerana penerima geran memerlukan bekalan input-input pertanian dan bahan mentah, serta penambahan infrastruktur.

"Jadi, faktor permintaan ekonomi ini akan membantu sektor-sektor pembekalan yang lain," katanya.

20/8/2021

SINAR

NEGERI

29

HARIAN

PAHANG/N9

# Ladang ayam dikompaun RM500

Lepaskan sisa kumbahan ke Sungai Air Kuning sehingga berlaku pencemaran

Oleh NORAFIDAH ASSAN

**JELU**

**S**ebuah ladang ternakan ayam di Air Kuning, Gemencheh dikenakan kompaun RM500 selepas didapati menyebabkan pencemaran ke atas Sungai Air Kuning pada 8 Ogos lepas.

Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, tindakan kompaun itu dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan selepas melakukan siasatan di lokasi.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati pemilik ladang itu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(1)(b) Enakmen Kawalan dan Pelesenan Penternakan Unggas dan Aktiviti



Bakri menunjukkan lakaran keadaan pencemaran di Sungai Air Kuning, Gemencheh.

Berkaitan Penternakan Unggas 1996 (EKPPUABPU 1996) kerana melepaskan sisa kumbahan unggas ke dalam sungai, parit, anak air dan lain-lain.

“Tindakan penguatkuasaan telah di-

polis dan tentera di Kuala Klawang pada Khamis.

Mengulas lanjut, Bakri berkata, nilai tersebut ditetapkan dengan mengambil kira beberapa faktor termasuklah kerjasama baik yang telah diberikan oleh pihak ladang dalam menangani isu ini.

“Sementara itu, kerja-kerja pembersihan sungai berkenaan juga telah selesai dilakukan oleh pihak ladang dalam tempoh tujuh hari selepas kita mengadakan lawatan mengejut di lokasi pada 9 Ogos lepas,” katanya.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan sebuah ladang ternakan ayam di Gemencheh diberi tempoh tujuh hari bermula Isnin untuk membersihkan sistem kumbahan yang didakwa menyebabkan pencemaran ke atas Sungai Air Kuning.

Salah satu punca pencemaran sungai terlibat adalah dari ladang ternakan ayam itu dan didapati memang berlaku pengaliran air sisa kumbahan dari ladang berkenaan ke dalam parit serta anak air.

## Ladang ayam diberi tempoh 7 hari

**S**ebuah ladang ternakan ayam di Gemencheh, Negeri Sembilan, telah diberi tempoh tujuh hari untuk membersihkan sistem kumbahan yang didakwa menyebabkan pencemaran ke atas Sungai Air Kuning. Pihak berkuasa yang terlibat ialah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan dan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan. Tindakan ini diambil kerana ladang tersebut melanggar Seksyen 16(1)(b) Enakmen Kawalan dan Pelesenan Penternakan Unggas dan Aktiviti Ternakan Unggas 1996. Pihak berkuasa juga telah melakukan lawatan mengejut ke lokasi ladang tersebut pada 9 Ogos lepas. Pihak berkuasa mendapati terdapat sisa kumbahan ayam yang mengalir ke dalam parit dan anak air di ladang tersebut. Pihak berkuasa telah mengeluarkan surat perintah kepada pihak ladang untuk membersihkan sistem kumbahan dalam tempoh tujuh hari bermula Isnin. Pihak berkuasa juga telah melakukan lawatan ke lokasi ladang tersebut pada 9 Ogos lepas. Pihak berkuasa mendapati terdapat sisa kumbahan ayam yang mengalir ke dalam parit dan anak air di ladang tersebut. Pihak berkuasa telah mengeluarkan surat perintah kepada pihak ladang untuk membersihkan sistem kumbahan dalam tempoh tujuh hari bermula Isnin.

Laporan Sinar Harian pada 11 Ogos 2021.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2021	MSN NEWS	ONLINE	

## Pemilik ladang ternakan ayam buang sisa kumbahan dikompaun RM500



Jelebu: Pemilik ladang ternakan ayam di Air Kuning Selatan dekat sini, yang didapati membuang air sisa kumbahan dikompaun RM500 oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan negeri Datuk Bakri Sawir berkata, pemilik ladang didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16 (1)(b)

Enakmen Kawalan dan Pelesenan Perternakan Unggas dan Aktiviti Berkaitan Penternakan Unggas (EKPPUABPU) 1996.

Kata beliau, berdasarkan seksyen itu, kompaun dikeluarkan selepas pemilik ladang didapati melepaskan sisa kumbahan unggas ke dalam sungai, parit, anak air dan lain-lain.

"Tindakan penguatkuasaan diambil mengikut Seksyen 29 EKPPUABPU 1996 dan jumlah kompaun dikeluarkan selepas mengambil kira beberapa faktor termasuk kerjasama baik diberikan pemilik ladang dalam menangani isu berkenaan.

"Pemilik ladang juga sudah membersihkan dan menambah baik sistem kumbahan bagi mengelakkan kejadian itu berulang," katanya ditemui selepas menyerahkan sumbangan kepada pesara polis dan tentera di Kuala Klawang hari ini.

Bakri pada 9 Ogos lalu mengadakan lawatan mengejut ke sebuah ladang ternakan ayam selepas menerima aduan pencemaran Sungai Air Kuning.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan kemudian memberi tempoh tujuh hari kepada pengurusan ladang ternakan itu supaya membaiki dan menambah baik sistem kumbahan.

Dalam perkembangan lain, Bakri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Klawang berkata, tiada perubahan drastik di peringkat negeri sekiranya berlaku perubahan pada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Kata beliau, di Negeri Sembilan, jika berlaku pertukaran nama pada kementerian, tiada masalah untuk nama baharu itu digunakan.

"Cuma jika berlaku pertukaran agensi atau perpindahan agensi berkaitan daripada kementerian sedia ada ke kementerian baharu, itu kita akan kaji semula," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2021	NST	NEWS IN BRIEF	11

## 1,200 siakap fish fry released into Labuan river

**LABUAN:** As many as 1,200 siakap (barramundi) fish fry were released into the Kina Benuwa mangrove forest reserve river on Tuesday. Senator Datuk Bashir Alias said the fish fry provided by the Labuan Fisheries Department with the cooperation of local fishermen would ensure that the popular fishing spot would always have an adequate stock of fish. "The Fisheries Department will continue to work closely with local fishermen to ensure that the Kina Benuwa mangrove river continues to be an agrotourism attraction." Kina Benuwa, which covers 97,604ha of pristine mangrove forest, is famous as an agrotourism and fishing area, but is now said to not have as many fish as in previous years. **Bernama**

Penduduk berpesta kutip lebih 30 kilogram ikan air tawar di pekarangan surau, jalan

# Gempap fenomena migrasi ikan puyu

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**KUALA SELANGOR** – Fenomena ikan puyu naik ke darat yang berlaku di Surau Sulaiman, Tanjung Karang di sini kelmarin, sehingga mengemparkan penduduk sekitar merupakan fenomena biasa berdasarkan keupayaan ikan jenis berkenaan 'melompat' keluar dari air.

Pengarah Jabatan Perikanan Selangor, Abdul Rahman Abdul Wahab memberitahu, fenomena itu juga bukanlah kejadian pelik tetap merupakan satu bentuk migrasi ikan puyu.

Katanya, migrasi ikan puyu atau cimbing perch biasanya berlaku semasa musim hujan atau waktu-waktu tertentu.

"Ikan puyu boleh bertahan menggunakan oksigen yang ada di udara melalui organ labirin. Selain itu, ikan ini boleh 'berjalar' di darat dengan menggerakkan bahagian bawah badannya yang agak rata dan sirip dada," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai rakaman video yang tular di media sosial sejak kelmarin mengenai ratusan ikan puyu yang naik ke darat ketika musim hujan.

Kejadian berkenaan dikatakan berlaku dalam dua fasa bermula pukul 2.30 petang dan 4 petang



**PENDUDUK menunjukkan lokasi asal ikan puyu sebelum ditemui di pekarangan Surau Sulaiman, Tanjung Karang kelmarin.**

sehingga berlarutan selepas Isyak dengan ratusan ikan berkenaan dikesan berada di pekarangan surau dan mampu bergerak sejauh 10 meter.

Malah, kejadian melibatkan ikan daripada spesies air tawar dengan nama saintifiknya *Anabas Testudineus* itu turut menarik perhatian penduduk Kampung Sungai Sireh dan Sungai Gulang-Gulang.

Imam Surau Sulaiman, Sapar Rezam Sapri, 44, berkata, kejadian itu adalah kali pertama berlaku sejak dia bertugas 10 tahun

lalu di surau berkenaan.

Katanya, suasana tersebut tidak ubah seperti 'pesta' apabila seramai kira-kira 20 orang tidak melepaskan peluang mengutip ikan tersebut yang dianggap rezeki daripada Allah.

Difahamkan, lebih 30 kilogram ikan puyu berjaya dikutip oleh penduduk-sekitar.

"Semasa kejadian, saya hampir terlepas selepas solat zuhur di ruang rehat luar surau akibat hujan lebat sebelum dikejutkan oleh tiga rakan lain berhubung kejadian itu.



**SEBAGIAN ikan puyu yang dikesan naik ke darat sehingga mengemparkan penduduk di Tanjung Karang, Kuala Selangor kelmarin.**

"Sebelum ini, memang ada ikan dari jenis sama naik ke darat, namun dalam kuantiti kecil antara tiga ekor sahaja berbanding yang berlaku kelmarin sehingga tular," katanya.

Beliau membetulkan, pihaknya enggan menggariskan isu tersebut dengan sebarang isu termasuk banjir besar atau petanda kiamat sebaliknya sebagai rezeki kepada para penduduk.

"Sebelum ini ada pemancing meletakkan bubu selama tiga hari, namun hanya tiga ekor sahaja 'melekat' dalam peralatan itu.

"Ikan puyu itu kalau dijual mampu mencecah sehingga RM18 sekilogram," ujarnya.



# Fishermen urged to sign up for Socso scheme



Azli says the personal and family protection scheme for fishermen costs RM157 a year.

COASTAL fishermen who have yet to join the Social Security Organisation's (Socso) personal and family protection scheme are advised to do so.

Johor South Fishermen Association chairman Azli Mohd Aziz said fishing was a high-risk job.

"We should take the opportunity offered to protect ourselves and our family," Azli said when contacted.

He said the association had decided to participate in the scheme after considering the benefits it offered.

Azli pointed out that fishermen did not enjoy the same benefits as salaried workers who had a fixed income and medical coverage.

"We need financial support in case we are involved in an accident while fishing, especially if we can no longer work following the mishap," he said.

He added that the RM157 yearly contribution, or RM13 monthly, was not a burden considering the benefits they could receive, including lifelong monthly aid.

The association, said Azli, had assisted several members and their families to forward claims to Socso.

Separately, Azli said the Orang Asli fishermen market project in Kampung Kuala Masai had been approved and they were just waiting for the right time to open.

"The market will enable Orang Asli to sell their products directly to

customers without having to go through middlemen."

Also in the pipeline is mussel processing activities in the sea, a joint-project between the association and the Malaysian Fisheries Development Board.

Azli said seafood restaurants in Kampung Senibong, Permas Jaya would be relocated to Teluk Jawa, as plans were in place to upgrade and beautify the Teluk Jawa waterfront area.

There are about 2,500 coastal fishermen in south Johor and their fishing areas are within 10 nautical miles covering Tanjung Piai, Iskandar Puteri, Pulai, Johor Baru, Pasir Gudang and Tebrau.

— BY ZAZALI MUSA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	25

# Bot pancing udang galah tersadai

Oleh **AIN SAFRE BIDIN**  
 utusannews@mediamulla.com.my

**BAGAN DATUK:** Nelayan darat yang bergantung hidup daripada hasil tangkapan udang galah di Sungai Dulang di sini semakin tertekan kerana tidak dapat mencari rezeki disebabkan hasil tangkapan tidak lagi dibeli peraih luar.

Mereka mendakwa, masalah itu disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan Covid-19 menyebabkan peraih udang dari luar terutama Lembah Klang tidak dapat merentas negeri membeli hasil tangkapan mereka.

Selain itu, jualan untuk pasaran tempatan di sini juga terjejas disebabkan permintaan daripada pengusaha restoran merosot kerana pelanggan tidak dibenarkan makan di dalam premis atau dine-in sebelum ini.

Jawatankuasa Sementara Pengurusan Kampung (JSPK) Sungai Dulang, Ahmad Abdul Rahman, 64, berkata, terdapat kira-kira 60 nelayan darat di sini



**NELAYAN menunjukkan keadaan bot memancing udang yang tersadai di Kampung Sungai Dulang dekat Bagan Datuk, Perak, semalam. - UTUSAN/AINSAFRE BIDIN**

“Disebabkan PKP, peraih udang terutama dari Lembah Klang tidak dapat datang ke sini untuk membeli udang. Bagaimana nelayan mahu menjual hasil tangkapan mereka?” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, semalam.

Menurutnya, terdapat tiga jeti pendaratan hasil sungai di kawasan berkenaan iaitu di Kampung Tebing Rebak, Sungai Baru dan Sungai Dulang.

“Dahulu jeti-jeti ini menjadi tumpuan peraih udang yang menunggu untuk membeli hasil tangkapan nelayan, namun sejak PKP keadaannya sepi.

“Saya pun tidak pasti apa nasib nelayan di sini jika keadaan ini berlarutan,” katanya.

Peraih udang galah, Abu Salleh Sabdin, 54, pula berkata, sebelum pandemik Covid-19 melanda, ramai pemancing luar datang menyewa bot untuk memancing di sini.

“Kini tiada lagi pemancing luar yang datang dan ini menjejaskan penduduk yang menjalankan perniagaan menyewa bot memancing,” katanya.

Peraih udang galah, Abu Salleh Sabdin, 54, pula berkata, sebelum pandemik Covid-19 melanda, ramai pemancing luar datang menyewa bot untuk memancing di sini.

yang menjadikan udang galah sebagai punca pendapatan mereka. Menurutinya, selain itu ada penduduk yang mengusahakan perniagaan menyewa bot untuk memancing udang galah. Bagaimanapun, katanya, se-

darat sudah tidak dapat menangkap udang seperti biasa berikutan pasaran yang terjejas teruk.

# Cari bekalan lauk, duit belanja dengan memancing

Oleh TOREK SULONG  
utusannews@mediamulla.com.my

**PASIR PUTEH:** Memancing bukan lagi hobi mengisi masa lapang, sebaliknya sebagai sumber rezeki kaki pancing di negeri ini yang rata-ratanya terkesan teruk akibat pandemik Covid-19 berpanjangan.

Malah, tiada lagi istilah 'rekreasi' atau suka-suka kerana mereka kini berusaha memancing ikan sebanyak mungkin untuk dijadikan bekalan lauk keluarga atau dijual bagi mendapatkan duit belanja harian.

Mohd. Faizul Muhamad Nor, 29, dari Kampung Gong Chokoh berkata, setelah berbulan-bulan aktiviti memancing rekreasi tidak dibenarkan, dia lega kerana kerajaan akhirnya memberi kelonggaran kepada mereka berbuat demikian.

"Ini kerana, dia yang bekerja kampung sudah terlalu lama hilang punca pendapatan akibat tidak dapat bergerak bebas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), selain khuatir dijangkiti Covid-19.

"Kalau dulu, keluar memancing untuk suka-suka, sekarang dengan cara inilah kami dapat cari bekalan lauk untuk sekurang-kurangnya dalam tempoh seminggu. Kalau ada ikan lebih, kami jual untuk mendapatkan wang belanja," katanya ketika ditemui di sini,

semalam.

Bagi mengelak risiko penularan pandemik, dia hanya berkongsi menyewa bot bersama rakan-rakan yang sudah lengkap menerima suntikan dua dos vaksin.

Seorang lagi pemancing, Mohd. Hakim Fauzi, 20, berkata, kebiasaannya, hasil laut yang diperoleh adalah ikan gred A seperti tenggiri, jemu duk, ebek, mani abu dan kerapu yang dijual pada harga tinggi antara RM25 hingga RM35 sekilogram.

"Kos sewa bot bersama dengan khidmat tekong ke lubuk ikan bergantung kepada bilangan hari dan jarak destinasi. Paling jauh kita pergi untuk mencari unjam dan lubuk ikan ialah 90 kilometer dari daratan dengan caj RM1,200 bagi tempoh 24 jam.

"Satu bot dibenarkan membawa enam pemancing. Jadi kami mengeluarkan modal sebanyak RM200 seorang tidak termasuk kos umpan dan bekalan makanan. Alhamdulillah, setakat ini rezeki kami murah kerana dapat menjadikan aktiviti ini sumber rezeki yang halal," katanya.

Antara lokasi kaya dengan hasil laut dan menjadi tumpuan kaki pancing ialah sekitar perairan Pengkalan Payung, dekat sini kerana dipenuhi tukun berasal dari sisa kapal nelayan Vietnam yang ditenggelamkan pihak berkuasa.



**MOHD. Hakim Fauzi** menunjukkan ikan tenggiri yang dipancing ketika tiba di Jeti Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG



**MOHD. FAZRUL HISAM**

## Puyu 'merangkak' jika habitat terganggu

**KUALA TERENGGANU:** Kenaikan air secara mendadak akibat hujan lebat dipercayai menjadi punca puluhan ikan puyu naik ke darat dalam kejadian di Tanjung Karang, Selangor, kelmarin.

Bagaimanapun, penyarah kanan Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Fazrul Hisam Abd. Aziz berkata, fenomena itu bukan sesuatu yang luar biasa bagi hidupan akuatik berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, katanya, ikan puyu mampu bergerak secara merangkak bagi mencari habitat baharu dalam tempoh singkat sekiranya habitat asal mengalami gangguan.

"Puyu merangkak menggunakan penutup insangnya dan boleh bertahan di daratan dalam tempoh lama sebelum mendiami habitat baharu.

"Kenaikan air yang mendadak menyebabkan oksigen terlarut dan suhu berubah sekali gus mempengaruhi pergerakan puyu ke habitat baharu," katanya di sini semalam.

Mohd. Fazrul Hisam berkata, faktor lain yang menyebabkan ikan puyu merangkak adalah kekurangan sumber makanan di samping masalah ekologi termasuk abiotik dan biotik.

Semalam, tular video berdurasi satu minit 26 saat memaparkan puluhan ikan puyu dari parit yang tiba-tiba naik ke darat berhampiran sebuah surau hingga menggemparkan kalangan jemaahnya.

## Jaring koyak punca banyak ikan puyu



**TANGKAP** layar video ikan puyu timbul di darat yang tular dalam media sosial sebelum ini adalah fenomena biasa berdasarkan habitat spesies berkenaan.

**KUALA SELANGOR:** Fenomena ikan puyu timbul di darat di sebuah kampung di Tanjung Karang, di sini seperti yang tular dalam media sosial baru-baru ini, adalah perkara biasa dan pernah beberapa kali berlaku sebelum ini.

Namun, kemunculan ikan puyu di darat itu dilihat banyak kerana terdapat ternakan spesies air tawar itu milik seorang usahawan tempatan keluar dari kawasan kolam lumpur.

Perkara itu dijelaskan Penghulu Mukim Tanjung Karang 2, Jumasri Jumin yang memaklumkan, fenomena itu cuma dilihat pelik kerana sebelum ini ikan puyu timbul di darat tidak sebanyak seperti berlaku kelmarin. "Memang biasa nampak ikan

puyu muncul di darat tetapi jadi banyak sebab jaring tempat ternak ikan puyu milik penduduk tempatan koyak, jadi banyak yang keluar. Spesies puyu pula memang tinggal dalam lumpur tanah liat, malah boleh hidup untuk tempoh lama.

"Punca ikan itu timbul adalah kerana hujan lebat seharian. Sudah berapa lama kawasan ternakan kering dan jarang hujan. Bila ada air ikan puyu akan timbul dan bergerak ke kawasan baharu untuk bertelur," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, tular dalam media sosial kejadian ikan puyu timbul di Kampung Blok A,G dan H di Sawah Sempadan, Tanjung Karang yang menarik perhatian warga maya.